

BAB I

PENGANTARAN

A. Objektif dan Bidang Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk memberi gambaran secara am pentadbiran Undang-undang Islam di Negeri Melaka. Ini dibuat dengan melihat sejauh mana perlaksanaan peruntukan-peruntukan di dalam enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, 1959.¹

Penekanan diberi kepada peranan dan tugas-tugas Mahkamah Syariah sebagai badan kehakiman dan fungsi-fungsi Majlis Ugama Islam Melaka sebagai badan perundangan dan badan eksekutif. Perbincangan secara am juga dibuat mengenai pentadbiran Ugama Islam seharian yang tidak secara langsung penting disegi pentadbiran Undang-undang Islam.

Kajian ini adalah terhad kepada perbincangan mengenai peruntukan-peruntukan enakmen tetapi ini tidaklah bermakna peruntukan-peruntukan tersebut adalah lengkap. Adalah satu perkara yang luar dari pengetahuan dan bidang kajian saya untuk membuat togaran dan cadangan tentang peruntukan-peruntukan enakmen sendiri.

Penyelidikan dibuat disemua Mahkamah Syariah yang terdapat di Melaka. Walaupun demikian penyelidikan yang mendalam dibuat di Mahkamah Kathi Besar dan Mahkamah Kathi Daerah Melaka Tengah. Data-data kajian ini meliputi tempoh enam tahun iaitu dari tahun 1970 hingga tahun 1975. Penyelidikan juga dibuat di Pejabat Majlis Ugama Islam dan Jabatan Hal-ehwal Ugama Islam yang bertanggung jawab mengenai pentadbiran hal-ehwal Ugama Islam seharian.

B. Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan menerusi beberapa kaedah:-

(a) Penyelidikan luar di Mahkamah-mahkamah Syariah.

Penyelidikan ini terutamanya untuk mendapat data-data kes yang dibicarakan dan jadual-jadual mengenai perkara-perkara yang diuruskan oleh Majlis Ugama Islam. Tidak ada masalah yang sukar yang dihadapi semasa menyemak fail-fail kerana mahkamah-mahkamah itu mempunyai sistem menyimpan fail-fail mengikut tahun-tahun yang agak teratur. Buku pendaftaran kes-kes tidak dapat dijadikan panduan kerana maklumat di dalamnya terhad kepada nama pihak-pihak dan jenis-jenis tindakan sahaja. Tiap-tiap mahkamah menyimpan rekod-rekodnya sendiri dan Mahkamah-mahkamah Kathi Daerah tidak payah menghantar lapuran dan rekod-rekodnya ke Mahkamah Kathi Besar setiap tahun, oleh sebab itu kajian terpaksa dibuat di tiap-tiap mahkamah.

(b) Pemerhatian merupakan satu cara yang paling sesuai untuk kajian ini kerana dengan ini pelaksanaan peruntukan Mahkamah dapat dilihat. Pemerhatian terutama tertumpu kepada Mahkamah-mahkamah Syariah untuk melihat perjalanan mahkamah, acara dan keterangan yang digunakan. Pemerhatian saya menjadi lebih mudah lagi kerana saya biasanya dibenarkan melihat fail-fail kes yang akan dibicarakan. Walau bagaimana pun semasa lebih kurang 3 bulan saya membuat kajian, tidak ada satu kes pun datang ke Jawatankuasa Ulangbicara, dengan itu saya tidak dapat melihat perjalanan kes-kes rayuan. Pemerhatian juga dibuat kepada perjalanan di dalam pejabat Mahkamah Syariah, terutama perhatian kepada Pemeriksa Hal-ehwal Ugama yang bertugas menerima aduan dan yang secara tidak langsung juga menyelesaikan kes-kes di luar mahkamah. Selain dari itu, saya juga berpeluang melihat kakitangan Pejabat Majlis Ugama Islam dan Jabatan Ugama Islam menjalankan tugas-tugas pentadbiran harian.

(c) Temuramah, dengan berbagai peringkat masyarakat daripada Tuan Mufti hingga kepada orang-orang Islam biasa. Mereka-mereka ini menolong saya mendapatkan maklumat yang tidak boleh didapati dari lain-lain cara. Tuan Mufti telah menceritakan kepada saya pengetahuannya tentang pentadbiran Undang-undang Islam sebelum kemerdekaan, Tuan-tuan Kathi yang telah menerangkan hubungan Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Biasa. Kakitangan pejabat mahkamah telah

memberi penerangan kepada saya tentang perjalanan kes melalui temuramah tidak rasmi. Akhir sekali saya menggunakan peluang yang ada untuk berbual dengan pihak-pihak di dalam perbincaraan sementara menunggu kes-kes didengar.

(d) Penyelidikan perpustakaan, menolong saya mengetahui sedikit sebanyak tentang Undang-undang Islam. Penyelidikan cara ini lebih-lebih lagi penting untuk menolong saya menulis tentang latar belakang pentadbiran Undang-undang Islam dari mulanya ia sampai ke Melaka hingga kemerdekaan.

C. Penyusunan Bab-bab

Kertas Projek ini dibahagikan dengan beberapa bab. Bab-bab ini disusun untuk menyenangkan pembaca memahami kandungan kajian ini tanpa mengira panjang atau pendeknya bab itu.

Bab I iaitu bab ini bertujuan mengenalkan kepada pembaca tentang tujuan dan bidang kajian ini. Bab II ditulis untuk memberi gambaran ringkas tentang kedatangan dan pentadbiran Undang-undang Islam sebelum Enakmen digubal.

Bab III hingga V diperuntukan untuk perbincangan mengenai jentera-jentera yang bertanggung jawab mentadbirkan Undang-undang Islam. Bab III mengenai fungsi Majlis sebagai badan perundangan

lebih sesuai ditulis sebelum peranan Mahkamah Syariah dalam melaksanakan Undang-undang dibincangkan.

Bab IV merupakan bab yang terpenting dan terpanjang.

Ianya dibahagikan kepada 5 bahagian dari pengenalan hingga kepada sistem rayuan. Bab V mengenai fungsi Majlis sebagai badan eksekutif dan seperti biasa bab VI sebagai bab terakhir adalah bab penutup bagi Kertas Projek ini.